

30/04/1997

Bergerak serentak capai Wawasan: PM (HL)

Kamal Ahmad; Faizal Fadzil; Nordin Zakaria
PETALING JAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta seluruh rakyat bergerak sebagai satu pasukan untuk mencapai Wawasan 2020 dan tidak teragak-agak meneruskan agenda ekonomi negara.

Perdana Menteri juga mengingatkan mengenai perlunya diwujudkan pembangunan kebendaan dan kerohanian yang seimbang dalam usaha negara mencapai matlamat itu.

"Sikap alpa, ragu-ragu, berpeluk tubuh, gaya hidup yang membazir dan enggan melakukan pembaharuan akan menyebabkan ekonomi negara merosot, sekali gus Wawasan 2020 musnah.

"Oleh itu, kita perlu menyeimbangkan pembangunan kebendaan dan kerohanian bagi memastikan kita tidak tergelincir ke dalam 'lubang hitam' seperti yang kini dialami negara maju," katanya ketika menyampaikan ucap-tama di Kongres Kebangsaan Wawasan 2020, di sini, hari ini.

Wawasan 2020 yang diperkenalkan enam tahun lalu menetapkan Malaysia menjadi negara maju pada tahun itu.

Dr Mahathir berkata, rakyat perlu bersatu padu kerana perpecahan dan pertelingkahan akan menjadikan segala yang dibina selama ini musnah dan tidak bererti lagi.

"Dasar Ekonomi Baru sudah berlalu. Namun hari ini kita tidak boleh mengabaikan cabaran mewujudkan keadilan sosial dari segi ekonomi dan keadaannya pada masa akan datang. Siapa yang mundur mesti diberi bantuan. Jangan sampai ada yang tercicir.

"Kita mesti melangkah ke hadapan sederap dan seiring dan sama-sama memetik hasil pertumbuhan pesat dan kemodenan.

"Jika kita lupa objektif kelapan Wawasan 2020 iaitu perjuangan menegakkan keadilan sosial dari segi ekonomi, maka kita pasti menanggung akibatnya," katanya.

Kongres dua hari itu dianjurkan bersama Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) Malaysia, Jabatan Perdana Menteri serta Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli).

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri dan timbalan menteri, tokoh akademik, korporat, pakar ekonomi dan perwakilan asing.

Perdana Menteri berkata, semua pihak perlu menyedari sesebuah negara yang tidak terus menerus memperbaharui dirinya dan bersedia mencuba gagasan dan strategi baru, kemudian melakukan pembaharuan itu berulang kali akan tercicir dalam arus pertumbuhan dunia.

"Negara itu akan ketinggalan ketika aliran dunia kini menjurus kepada globalisasi, ekonomi tidak bersempadan, mengabaikan kedaulatan negara serta maklumat yang tidak berbandung, tetapi mengelirukan.

"Kita mesti meneruskan agenda ekonomi kita dan tidak berasa ragu-ragu atau teragak-agak. Sebenarnya perlumbaan menuju masa depan ekonomi kita itu baru saja bermula dengan bersungguh-sungguh," katanya.

(END)